



24 Oktober 2017
24 October 2017
P.U. (A) 324

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 5) 2017

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (NO. 5) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 5) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Kelantan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 5) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2017.

Pindaan Jadual Ketiga

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadual Ketiga di bawah kepala “Negeri Kelantan Darul Naim”—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 4 butiran yang berikut:

“5. (*Laluan 485*): *Jalan Kg Kolam Itik–Kg Kubang Rambutan*

Dari persimpangannya dengan Laluan 196, Jalan Panglima Bayu–Rantau Panjang–Jeram Perdah di koordinat U 5.990766, T 101.959339 dan berakhir di Kg Kubang Rambutan dengan Laluan 196, Jalan Panglima Bayu–Rantau Panjang–Jeram Perdah di koordinat U 5.99632, T 101.971159 sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 5: JALAN KG KOLAM ITIK–KG KUBANG RAMBUTAN (jarak sepanjang 1.665 km).

6. (*Laluan 486*): *Jalan Kg Kuala Kwong–Kg Degong*

Dari persimpangannya dengan Laluan 196, Jalan Panglima Bayu–Rantau Panjang–Jeram Perdah di koordinat U 5.937047,

T 101.933302 dan berakhir di Kg Degong dengan Laluan 196, Jalan Panglima Bayu–Rantau Panjang–Jeram Perdah di koordinat U 5.986365, T 101.954452 sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 6: JALAN KG KUALA KWONG–KG DEGONG (jarak sepanjang 7.272 km).”; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 4: JALAN JERAM PERDAH–PENGKALAN KUBUR peta yang berikut:

“PETA 5: JALAN KG KOLAM ITIK–KG KUBANG RAMBUTAN

